

# 557 daripada 1,065 mukim capai kategori menua

**Kerling catat penduduk tertinggi bagi usia 65 tahun dan lebih**

**Putrajaya:** Terdapat 557 daripada 1,065 mukim telah mencapai kategori menua dengan lebih daripada tujuh peratus penduduk berusia 65 tahun dan ke atas, menurut statistik Banci Malaysia 2020: Mukim, Bandar dan Pekan yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata daripada 260 bandar, 155 telah mencapai kategori menua, manakala bagi pekan, sebanyak 50 peratus telah mencapai kategori berkenaan.

"Jumlah penduduk tertinggi bagi usia 0 hingga 14 tahun ialah Mukim Ayer Molek, Melaka (73.4 peratus), manakala 15-64 tahun ialah Mukim Pulau Babi, Johor (96.2 peratus).



155 daripada 260 bandar telah mencapai kategori menua. (Foto hiasan)

"Mukim Kerling, Selangor mencatatkan penduduk tertinggi bagi usia 65 tahun dan lebih dengan 25.2 peratus," katanya dalam kenyataan semalam.

Terdapat 1,730 mukim, bandar dan pekan di Semenanjung yang merangkumi 13 negeri seperti dinyatakan dalam Kanun Tanah Negara (disemak 2020)

(Akta 828).

Daripada jumlah berkenaan, 1,065 ialah mukim, bandar (260) dan pekan (405). Bagi Sarawak, Sabah dan Labuan, sempadan statistik adalah berdasarkan pewartan pusat pentadbiran negeri dan Banci Malaysia dengan perbandingan data statistik adalah berdasarkan peringkat ne-

geri, bahagian dan daerah/daerah kecil (tanpa mukim, bandar dan pekan).

**Naik kepada 18.6 juta**

Mohd Uzir berkata penduduk di mukim di Semenanjung meningkat daripada 15.3 juta pada 2010 kepada 18.6 juta pada 2020, penduduk bandar meningkatkan

Jumlah penduduk tertinggi bagi usia 0 hingga 14 tahun ialah Mukim Ayer Molek, Melaka (73.4 peratus), manakala 15-64 tahun ialah Mukim Pulau Babi, Johor (96.2 peratus)

**Mohd Uzir Mahidin,**  
Ketua  
Perangkawan



kepada 5.9 juta pada 2020 (2010: 5.0 juta), manakala pekan merekodkan 2.0 juta pada 2020 (2010: 1.6 juta).

Bagi bilangan tempat kediaman, katanya mukim berjumlah 5.6 juta, bandar (1.9 juta) dan pekan dengan 0.6 juta pada 2020.

Mukim Hulu Kinta, Perak merekodkan bilangan tempat kediaman tertinggi bagi mukim iaitu 0.2 juta, manakala bagi bandar, Ampang, Selangor merekodkan bilangan tempat kediaman tertinggi (0.1 juta) dan Pekan Baru Sungai Buloh, Selangor mencatatkan bilangan tempat kediaman tertinggi bagi pekan (40,000).

Mukim Pulau, Johor pula merekodkan bilangan tempat kediaman kosong tertinggi iaitu 50,000.

BERNAMA